

'Mahasiswa berintegriti, rasuah dihindari'

► SPRUMS anjur program Jom Kenali SPR UMS, Workshop Pengurusan Majlis

UB 11.10.2018 B3



Oleh ABD. NADDIN
HJ. SHAIDDIN

KOTA KINABALU: Program Jom Kenali SPR UMS dan Program Workshop Pengurusan Majlis yang dianjurkan oleh Sekretariat Pencegahan Rasuah Universiti Malaysia Sabah (SPRUMS) disertai oleh Ahli-ahli Sekretariat Pencegahan Rasuah Universiti Malaysia Sabah.

Program ini dijalankan pada 30 September 2018 bertempat di Dewan Kuliah Pusat Ke-2 Universiti Malaysia Sabah.

Program Jom Kenali SPR UMS ini adalah program tahunan yang dianjurkan oleh SPR UMS pada setiap awal semester tahun baru pengajian.



AHLI SPRUMS bergambar bersama Muhammad Jumrat.

Program ini bertujuan mengambil ahli baharu bagi SPR UMS dan sekaligus memperkenalkan SPR UMS kepada semua ahli baharu berkenaan dengan SPR UMS ini.

Manakala, program Workshop Pengurusan Majlis pula bertujuan memberi pendedahan kepada semua ahli baharu dan juga semua ahli SPR UMS yang terlibat berkenaan pengurusan sesuatu majlis ataupun program dengan menjemput penceramah jemputan yang sememangnya mahir dalam

bidang pengurusan majlis dan pengucapan awam.

Program ini juga dihadiri oleh Penyelaras SPR UMS daripada Bahagian Pendidikan dan Masyarakat SPRM Negeri Sabah Janet@Tay Ling Ling yang berkongsi mengenai penubuhan awal SPRM dan seterusnya menyampaikan ceramah serta mendedahkan pelajar mengenai rasuah.

Seterusnya bagi Workshop Pengurusan Majlis disampaikan oleh Muhammad Jumrat Minsun dan Pengacaraan Majlis disampaikan oleh Norhana Nordin.

Program ini sangat penting bagi SPR UMS khususnya ahli baharu untuk mengetahui mengenai SPR UMS dan sedikit sebanyak pengetahuan



AHLI baharu SPRUMS mengadakan sesi bergambar.

(Gambar bawah) SESI bergambar ahli SPRUMS.



mengenai pengurusan majlis dan sebagainya sebelum bersama-sama terlibat dalam program SPR UMS.

Di akhir program ini, semua peserta yang

terlibat jelas dan mendapat maklumat berkenaan SPR UMS disamping mendapat ilmu yang sangat berguna berkaitan pengurusan majlis sama ada formal maupun tidak formal.

oleh penceramah yang sememangnya mahir dalam bidang pengucapan awam dan pengurusan majlis sama ada formal maupun tidak formal.